كمنترين كبودايأن بليا دان سوكن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# مسابقة تلاوة القرءان بليا كبغسأن

# MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN

## *Peringkat Akhir*

**1440/2019**

**Hari Khamis**
**20 Syaaban 1440 / 25 April 2019**
**Dewan Digadong,**
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

# Isi Kandungan

4 Mesej Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

5 Kata Alu-Aluan Pengarah Belia dan Sukan

6 Atur Cara Majlis

7 Latar Belakang

11 Biodata Qari

16 Biodata Qariah

21 Jawatankuasa Jemaah Hakim

22 Senarai Maqra

23 Johan Qari & Qariah dari Tahun 1995 -2018

24 Ristaan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2018

27 Piala Pusingan

28 Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih

# مسابقة تلاوة القرءان بليا كبڠساءن

# MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN

## *Peringkat Akhir*

**1440/2019**

# Mesej

## Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ



Segala Puji-Pujian ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Selawat serta Salam buat Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi Wasallam, Kaum Kerabat, Para Sahabat serta Para Pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia rahmat dan izin-Nya jua maka Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan pada tahun ini sekali lagi dapat dilaksanakan dengan jayanya. Terlebih dahulu, dirakamkan setinggi tahniah kesemua 105 orang peserta Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan tahun ini, khususnya kepada 5 Qari dan 5 Qariah belia yang telah berjaya mara ke Peringkat Akhir Kebangsaan. Kita menantikan persembahan bacaan mereka pada malam yang penuh keberkatan ini yang mana, insyaAllah, juara yang dipilih akan mewakili Negara di Majlis Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara Kali Ke-9 pada bulan Oktober 2019. Kita amat berbangga dengan keseluruhan peserta kerana mereka mencerminkan Hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk sama sekali tidak membiarkan setiap generasi yang ada jauh dari ugama tetapi akan terus konsisten menanam nilai-nilai Islam ke dalam kehidupan mereka.

Sememangnya, kita amat bersyukur dan bertuah kerana bernaung dibawah Raja yang sentiasa mengambil berat terhadap perkembangan ugama Islam di negara ini termasuklah dalam hal ehwal pendidikan dan pembelajaran Al-Quran, khususnya di kalangan generasi belia. Baginda antara lain juga pernah bertitah bersempena dengan Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1440 Hijrah bersamaan 2019 Masihi bahawa "Mengadakan Majlis Musabaqah Tilawah Al-Quran adalah satu amalan yang sangat berkebajikan, di mana kita sama-sama dapat mendengar kata-kata Allah atau ayat-ayat suci Al-Quran dibaca. Ia adalah salah satu amalan zikir, sesuai sebagai pengisian Negara Zikir".

Adalah diharapkan musabaqah ini akan dapat terus berperanan sebagai salah satu inisiatif berterusan ke arah usaha mendekatkan lagi golongan belia kepada Al-Quran ke arah memartabatkan Negara kita sebagai Negara Zikir. Para belia amat dialu-alukan untuk merebut peluang dan kesempatan yang berharga ini agar hasrat untuk melahirkan Generasi Al-Quran dapat dikongsi sama dan direalisasikan secara bersepadu. Al-Quran adalah petunjuk dan pedoman hidup yang lengkap maka pelajarilah ia, fahamilah ia dan amalkanlah ajarannya. Semoga dengan demikian, hidup kita akan sentiasa mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua.

Dalam kesempatan ini, sekali lagi sukacita merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada keseluruhan peserta yang telah mengambil bahagian di sepanjang pertandingan ini dijalankan. Tidak lupa dirakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa, panel Juri, rakan-rakan strategik dan semua pihak yang terlibat dalam mengendalikan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan bagi Tahun 1440 Hijrah bersamaan 2019 Masihi dengan penuh kelancaran. Semoga memperolehi kejayaan dan mudah-mudahan usaha yang baik ini akan mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

**MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI HAJI AMINUDDIN IHSAN**
**BIN PEHIN ORANG KAYA SAIFUL MULOK DATO SERI PADUKA HAJI ABIDIN**
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

# Kata Alu-Aluan

## Pengarah Belia dan Sukan

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته



Alhamdulillah, Segala Puji-Pujian ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Selawat serta Salam buat Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi Wasallam, Kaum Kerabat, Para Sahabat serta Para Pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, sekali lagi Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sesungguhnya kejayaan ini adalah hasil daripada kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak jua terutama Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai rakan strategik utama. Syukur Alhamdulillah, pada tahun ini seramai 105 orang belia telahpun mendaftarkan diri bagi menyertai musabaqah pada kali ini. Satu perkembangan yang amat positif di mana ini menunjukkan minat dan kecenderungan belia kitani dalam bidang pembacaan Al-Quran pada landasan yang betul.

Musabaqah ini mengandungi tiga peringkat iaitu Peringkat Saringan, Separuh Akhir dan Peringkat Akhir. Seramai 10 orang peserta iaitu 5 orang peserta qari dan 5 orang peserta qariah akan bertanding di Peringkat Akhir ini termasuklah Johan Menunggu Qari dan Qariah Tahun 2018.

Musabaqah ini telahpun berjaya menjadi wadah dan sarana kepada generasi belia di negara ini untuk mengembangkan dan mempertingkat lagi mutu pembacaan dan pencapaian masing-masing di dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu. Semoga ianya akan terus maju jaya dan mampu memainkan peranannya dalam hasrat negara melahirkan Generasi Al-Quran dan Negara Zikir.

Sekali lagi, ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama semua pihak yang terlibat dalam sama-sama menjayakan lagi musabaqah ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jualah yang akan memberikan ganjaran dan pahala di atas niat dan amal yang berkebajikan ini. Amin Ya Rabbal 'Aalamin!

Syabas dan tahniah kepada para peserta dan selamat bertanding.

**ZAFRI HJ MOHAMED**
Pemangku Pengarah Belia dan Sukan
Selaku Pengerusi Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1440/2019
Negara Brunei Darussalam

# Atur Cara Majlis

| | | |
|---|---|---|
| **7.30 malam** | : | Ahli Jawatankuasa dan Para Peserta hadir |
| **7.45 malam** | : | Para Jemputan hadir |
| **8.00 malam** | : | Tetamu Kehormat hadir<br>Yang Berhormat<br>Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan<br>bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin<br>Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan<br>Negara Brunei Darussalam |
| | : | Acara dimulakan |
| | : | Bacaan Surah Al-Fatihah |
| | : | Ucapan Alu-Aluan oleh Pengerusi Majlis<br>Yang Mulia Dayang Zainab binti Haji Morshidi<br>Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan |
| | : | Ucapan Tetamu Kehormat<br>Yang Berhormat<br>Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan<br>bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin<br>Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan<br>Negara Brunei Darussalam |
| | : | Musabaqah Tilawatil Quran dimulakan |
| | : | Persembahan Belia |
| | : | Pengumuman Keputusan oleh Pengerusi Jemaah Hakim |
| | : | Penyampaian Hadiah dan Cenderamata |
| | : | Bacaan Doa Selamat |
| | : | Majlis bersurai |

# Latar Belakang

1. **LATAR BELAKANG**

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan ini adalah salah satu projek tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dikelolakan oleh pihak Jabatan Belia dan Sukan. Ianya telah mula dilaksanakan sejak dari tahun 1980-an lagi dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Di samping itu, ianya juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau "tarannum".

2. **TUJUAN**

Tujuan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan ialah:

2.1 Bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1996 Masehi pada 1 Jamadilakhir, 1417 bersamaan 13 Oktober 1996. Di antara lain titah Baginda:-

*"Hasrat kita yang tunggal ialah melihat generasi Al-Quran itu dikongsi sama oleh semua pihak dan golongan, terutama golongan belia. Kita akan merasa bangga dengan lahirnya belia-belia yang berwatak salih. Bahawa salah satu tanda kesalihan itu ialah terlibatnya mereka dengan Al-Quran sama ada keterlibatan itu selaku pembaca biasa, mahupun sekaligus menjadi penghayat dan pengamal ajaran-ajarannya."*

2.2 Untuk menyediakan wadah bagi melahirkan qari dan qariah belia yang berpotensi tinggi sebagai pelapis qari dan qariah Negara Brunei Darussalam.

2.3 Untuk mempertingkatkan mutu pembacaan Al-Quran di kalangan belia di Negara Brunei Darussalam.

2.4 Untuk memupuk dan menyemai rasa persahabatan di kalangan peserta belia melalui program keugamaan.

2.5 Untuk persediaan bagi pemilihan wakil Negara ke Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

3. **SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

3.1 Musabaqah ini terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap yang memegang kad pintar warna ungu serta tidak memegang paspot negara-negara asing.

3.2 Peserta-peserta hendaklah berumur di antara 15-30 tahun yang lahir di antara 1 Januari 1989 hingga 31 Disember 2004.

3.3 Tidak pernah menjadi **JOHAN** pertandingan-pertandingan berikut:

I. Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia; atau

II. Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

4. **FORMAT PERTANDINGAN**

4.1 Pertandingan ini mengandungi **tiga peringkat** iaitu:

4.1.1 **PERINGKAT SARINGAN;**

4.1.1.1 Peserta-peserta di peringkat ini dibebaskan untuk memilih mana-mana maqra yang telah disediakan oleh pihak penganjur.

4.1.1.2 Peserta yang mendapat markah 75% ke atas adalah layak memasuki peringkat Separuh Akhir dengan memperuntukkan 30 kuota sahaja iaitu 15 qari dan 15 qariah. Walau bagaimanapun, jumlah kuota Peringkat Separuh Akhir akan ditetapkan dengan persetujuan bersama Jawatankuasa Jemaah Hakim dan Urus Setia.

4.1.2 **PERINGKAT SEPARUH AKHIR KEBANGSAAN;**

4.1.2.1 Keramaian peserta di peringkat separuh akhir akan dimesyuaratkan oleh Jawatankuasa Jemaah Hakim dan pihak urus setia.

4.1.2.2 Tarikh, tempat dan masa pertandingan akan dimaklumkan kepada peserta-peserta secara lisan dan bertulis.

4.1.2.3 Undian giliran membaca dan maqra akan ditentukan sebelum hari pertandingan dijalankan.

4.1.2.4 Empat peserta teratas dari bahagian qari dan qariah di peringkat ini adalah layak untuk bertanding di peringkat Akhir Kebangsaan. Manakala Johan Qari dan Qariah tahun 2018 juga akan dijemput ke Peringkat Akhir Kebangsaan 2019 (jika masih memenuhi syarat-syarat penyertaan)

4.1.3 **PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN;**

4.1.3.1 Seramai sepuluh orang peserta iaitu lima qari dan lima qariah bertanding di peringkat ini.

4.1.3.2 Tarikh, tempat dan masa pertandingan akan dimaklumkan kepada peserta-peserta secara lisan dan bertulis.

4.1.3.3 Maqra-maqra akan disediakan oleh pihak penganjur.

4.1.3.4 Maqra dan giliran membaca para peserta akan ditentukan melalui undian yang akan dijalankan sebelum hari pertandingan.

5. **TEMPOH BACAAN DAN ISYARAT LAMPU**

5.1 Tempoh membaca ialah **10 minit.** Adapun perkiraan tempoh masa membaca bermula apabila peserta mula membaca ta'awwuz.

5.2 Peserta boleh memulakan bacaan setelah lampu hijau dinyalakan dan jemaah hakim akan mula menilai bacaan peserta.

5.3 Ketika bacaan masuk minit kelapan, lampu kuning dinyalakan dan lampu hijau dipadamkan, menandakan masa untuk membaca masih ada 2 minit, dan peserta dikehendaki bersedia untuk mengakhiri bacaan.

5.4 Apabila masa genap 10 minit, lampu merah dinyalakan dan lampu kuning dipadamkan, menandakan masa membaca telah tamat.

6. **FORMAT PENGHAKIMAN**

6.1 **PERINGKAT SARINGAN**

Jawatankuasa Jemaah Hakim akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada enam orang iaitu;

1) Pengerusi Jemaah Hakim
2) Timbalan Pengerusi Jemaah Hakim dan Hakim Ganti
3) Hakim Tajwid
4) Hakim Fasahah
5) Hakim Suara
6) Hakim Lagu

6.2 **PERINGKAT SEPARUH AKHIR**

6.3 Jawatankuasa Jemaah Hakim akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada sebelas orang iaitu;

1) Pengerusi Jemaah Hakim
2) Timbalan Pengerusi Jemaah Hakim
3) Hakim Tajwid
4) Hakim Tajwid
5) Hakim Fasahah
6) Hakim Fasahah
7) Hakim Suara
8) Hakim Suara
9) Hakim Lagu
10) Hakim Lagu
11) Setiausaha dan Hakim Ganti

### 6.3 PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN

Jawatankuasa Jemaah Hakim akan dilantik oleh penganjur yang terdiri daripada sebelas orang iaitu:

1) Pengerusi Jemaah Hakim
2) Timbalan Pengerusi Jemaah Hakim
3) Hakim Tajwid
4) Hakim Tajwid
5) Hakim Fasahah
6) Hakim Fasahah
7) Hakim Suara
8) Hakim Suara
9) Hakim Lagu
10) Hakim Lagu
11) Setiausaha dan Hakim Ganti

# Biodata Qari

## Yang Mulia Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili



| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | No. 15 Spg 105, Jln Bebatik Kilanas, Kg Kilanas, BF2520, Negara Brunei Darussalam |
| Tarikh Lahir | : | 11.09.1994 |
| Pendidikan | : | Diploma Level 5 In Mechanical Engineering, Politeknik Brunei |
| Nama Bapa | : | Awang Suhaili bin Haji Abd Karim |
| Pekerjaan Bapa | : | Bersara |
| Nama Ibu | : | Pengiran Hajah Salbiana binti Pengiran Haji Ali |
| Pekerjaan Ibu | : | Bersara |
| Tempat Berguru | : | Dato Seri Paduka Awang Haji Muhd Yusof bin Bakar<br>Awang Haji Muhd Fahmie bin Haji Awang Metussin<br>Awang Zulhafiz bin Awang Tengah |

### PENGALAMAN DAN KEJAYAAN YANG PERNAH DIPEROLEHI

| Tahun | | Pengalaman |
|---|---|---|
| 2017 | - | Tempat Ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2016 | - | Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2015 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2013 | - | Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2017-2013 | - | Peserta Separuh Akhir Musabaqah Tilawah Al-Quran Dewasa Kebangsaan |
| 2012 | - | Mengikuti Bengkel Taranum Al-Quran Anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama |
| 2012 | - | Peserta Saringan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2011 | - | Tempat Keempat Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Sekolah-Sekolah Menengah Dan Maktab-Maktab |

# Biodata Qari

## Yang Mulia Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abd Rajid



| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | No. 52, Spg.32, Kampung Pancha Delima, Negara Brunei Darussalam |
| Tarikh Lahir | : | 25.09.1995 |
| Pendidikan | : | BTEC level 3, Diploma in Information Technology |
| Nama Bapa | : | Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh |
| Pekerjaan Bapa | : | Pengarah Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal ehwal Ugama |
| Nama Ibu | : | Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Mohd Tahir |
| Pekerjaan Ibu | : | Pengetua Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit |
| Tempat Berguru | : | Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh (bapa) |
| | | Ustaz Aslinan bin Haji Metussin (2009) - Skim Tilawah Al-Quran Remaja |
| | | Ustaz Minfadhlillah Abdul Hamid (2012-2016) |
| | | Al Fadilatusyekih Duktoor Abdul Fattah Al Tarouti (2014) |
| | | Al Fadilatusyekih Abdul Rasyid Ali Sufi (2017&2018) |
| | | Ustaz Dasrizal M Nainin (2019) – Pengkursus Tarannum Al-Quran Anjuran Pusat Pengajian Dan Penyebaran Al-Quran MABIMS |

### PENGALAMAN DAN KEJAYAAN YANG PERNAH DIPEROLEHI

| Tahun | | Pengalaman |
|---|---|---|
| 2017 | - | Separuh Akhir, Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2016 | - | Separuh Akhir, Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2016 | - | Naib Johan, Musabaqah Tilawah Al-Quran Bagi Belia & Beliawanis Masjid Senegara |
| 2015 | - | Separuh Akhir, Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2015 | - | Johan, Musabaqah Tilawatil Quran Bagi Belia & Beliawanis Masjid Senegara |

# Biodata Qari

## Yang Mulia Awang Haji Hazwan bin Haji Salim



| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | No. 7 Spg 127-41-21 Rumah Kembar STKRJ Kg. Rimba Gadong BE3119, Negara Brunei Darussalam |
| Tarikh Lahir | : | 08.02.1992 |
| Pendidikan | : | BA Usuluddin,<br>Universiti Al-Azhar Asy-Syarif, Mesir |
| Nama Bapa | : | Awang Haji Salim bin Haji Abdul Razak |
| Pekerjaan Bapa | : | Pejabat Ukur |
| Nama Ibu | : | Dayang Hajah Lina binti Haji Sirin |
| Pekerjaan Ibu | : | Suri Rumah Tangga |

Tempat Berguru : Dato Paduka Haji Mohd Yusop bin Bakar
Ustaz Haji Mustaqim bin Sariyun
Ustaz Haji Manan bin Haji Osman
Ustaz Mohammad Noor bin Haji Ibrahim
Ustaz Zul-hafiz bin Awang Tengah
Ustaz Haji Daud bin Haji Abd Kadir
Ustaz Haji Abdul Halim bin Fuad
Ustazah Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli

### PENGALAMAN DAN KEJAYAAN YANG PERNAH DIPEROLEHI

| Tahun | | Pengalaman |
|---|---|---|
| 2019 | - | Tempat ke 4 Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Dewasa Akhir Kebangsaan<br>Mewakili negara ke Jemputan Persembahan Bacaan Al Quran ASEAN di Thailand |
| 2018 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir |
| 2012 | - | Johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Akhir Belia Kebangsaan |
| 2012 | - | Johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Daerah Brunei Muara |
| 2011 | - | Johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Daerah Brunei Muara |
| 2011 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Akhir Belia Kebangsaan |
| 2010 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Daerah Brunei Muara |
| 2010 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Akhir Belia Kebangsaan |
| 2009 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Akhir Belia Kebangsaan |
| 2009 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan, Peringkat Daerah Tutong |
| 2007 | - | Menyertai Musabaqah Tilawatil Quran Belia Masjid Senegara anjuran Masjid Kampung Mata-Mata |
| 2005-2007 | - | Mengikuti Skim Bimbingan Tilawatil Quran Remaja |

# Biodata Qari

## Yang Mulia Awang Abdull Mu'in bin Haji Abd Hamid



| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | No 32 Kg Burung Pingai Berakas, Negara Brunei Darussalam |
| Tarikh Lahir | : | 11.03.1998 |
| Pendidikan | : | Sedang menuntut di Universiti Islam Sultan Sharif Ali |
| Nama Bapa | : | Awang Haji Abd Hamid bin Haji Mahmuddin |
| Pekerjaan Bapa | : | - |
| Nama Ibu | : | Dayang Anis binti Haji Duah |
| Pekerjaan Ibu | : | Kerani |
| Tempat Berguru | : | Ustaz Md Noor bin Haji Ibrahim<br>Ustazah siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli<br>Ustazah Hajah Aminah binti Haji Abd Manaf |

**PENGALAMAN DAN KEJAYAAN YANG PERNAH DIPEROLEHI**

| Tahun | | Pengalaman |
|---|---|---|
| 2017 | - | Tempat Ketiga Peringkat Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2016 | - | Tempat Ketiga Peringkat Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2016 | - | Johan Peringkat Akhir Musabaqah Tilawah Quran Bahagian-bahagian Sekolah Menengah dan Maktab |
| 2015 | - | Johan Peringkat Akhir Musabaqah Tilawah Quran Bahagian-bahagian Sekolah Menengah dan Maktab |
| 2014 | - | Tempat Kedua Peringkat Akhir Musabaqah Tilawah Quran Bahagian-bahagian Sekolah Menengah dan Maktab |
| 2011 | | Johan Peringkat Akhir Musabaqah Tilawah Quran Sekolah Ugama dan Arab |

# Biodata Qari

## Yang Mulia Awang Ahmad Naufal bin Haji Nor Asman



| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | No 3 Simpang 727-42 Kampung Jangsak, Mukim Kilanas, Negara Brunei Darussalam |
| Tarikh Lahir | : | 08.04.2003 |
| Pendidikan | : | Penuntut Tahun 10 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien |
| Nama Bapa | : | Awang Haji Abd Hamid bin Haji Mahmuddin |
| Pekerjaan Bapa | : | Muzari' Technologies |
| Nama Ibu | : | Hajah Habibah binti Haji Tahir |
| Pekerjaan Ibu | : | Tenaga Pengajar Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit |
| Tempat Berguru | : | Ustaz Awang Haji Hazwan bin Haji Salim<br>Ustaz Awang Mohammad bin Ali<br>Ustaz Awang Mohammad Noor bin Haji Ibrahim<br>Ustaz Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman<br>Ustaz Drs Haji Mustaqim bin Haji Sariyun<br>Ustaz Awang Haji Azulhanita bin Haji Awang Tarip<br>Ustazah Dayang Siti Huzzaimah Yadey bte Haji Rosli |

### PENGALAMAN DAN KEJAYAAN YANG PERNAH DIPEROLEHI

| Tahun | | Pengalaman |
|---|---|---|
| 2017 - 2019 | - | Mengikuti Skim Tilawatil Al-Quran Remaja (STAR) |
| 2018 | - | Peserta Saringan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |

# Biodata Qariah

## Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri



| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | No. 12, Spg 88-91, Kampung Anggerek Desa, Jln Pulaie, Negara Brunei Darussalam |
| Tarikh Lahir | : | 11.10.1993 |
| Pendidikan | : | Bachelor of Arts in Sociology & Anthropology |
| Nama Bapa | : | Pengiran Haji Jofri bin Pengiran Adi |
| Pekerjaan Bapa | : | Guru Ugama |
| Nama Ibu | : | Hajah Aminah binti Haji Abd Manaf |
| Pekerjaan Ibu | : | Guru Ugama |
| Tempat Berguru | : | Ibu bapa sendiri |

### PENGALAMAN DAN KEJAYAAN YANG PERNAH DIPEROLEHI

| Tahun | | Pengalaman |
|---|---|---|
| 2019 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawah Al Quran Peringkat Dewasa Kebangsaan |
| | | Wakil ke Musabaqah Tilawah Al Quran Peringkat Antarabangsa, Kuala Lumpur |
| 2018 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Dewasa Kebangsaan |
| 2017 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2014 | - | Finalis Musabaqah Tilawatil Quran Dewasa Kebangsaan |
| 2013 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara |
| 2013 | - | Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2012 | - | Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2012 | - | Johan Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Senegara bagi Persatuan Pandu Puteri Kategori Pemimpin Muda |
| 2011 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara |
| 2011 | - | Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan |
| 2011 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara |



# Biodata Qariah

## Yang Mulia Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki

| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | No 918A, Spg 918, Kampong Sungai Belukut, Jalan Kota Batu, BD2117, Negara Brunei Darussalam |
| Tarikh Lahir | : | 12.12.1994 |
| Pendidikan | : | BSc (Hons). Chemical Science, Universiti Brunei Darussalam. |
| Nama Bapa | : | Pengiran Haji Marjuki bin Pengiran Haji Abdul Rahman |
| Pekerjaan Bapa | : | Bersara |
| Nama Ibu | : | Dayang Hajah Asmawati binti Haji Jaafar |
| Pekerjaan Ibu | : | Timbalan Pendaftar Mahkamah Majistret |
| Tempat Berguru | : | Pengiran Hj Marjuki bin Pengiran Haji Abd Rahman<br>Awangku Md Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki<br>Awangku Md Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki<br>Ustazah Siti Huzaimah Yadey binti Haji Rosli<br>Ustazah Hjh Aminah binti Haji Abd Manaf |

### PENGALAMAN DAN KEJAYAAN YANG PERNAH DIPEROLEHI

| Tahun | | Pengalaman |
|---|---|---|
| 2018 & 2019 | - | Terpilih menjadi peserta Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi tahun 1439H/2018M |
| 2017 | - | Finalis bagi peraduan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi tahun 1439H/2018M |
| 2016 | - | Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan. |
| 2013-2016 | - | Semi-Finalis bagi peraduan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan |
| 2016 | - | Naib Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan. |
| 2011 & 2012 | - | Tempat ketiga Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan. |
| 2009 | - | Tempat ketiga membaca Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara. |
| 2007 & 2008 | - | Johan dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Sekolah Ugama Senegara (Kategori A) |
| 2006 | - | Johan dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Sekolah Ugama Senegara (Kategori B) |
| 2006 | - | Mewakili Negara ke Pertandingan Membaca Al-Quran Kanak-Kanak Mabims, Kuala Lumpur (tempat Ke-tiga) |



# Biodata Qariah

## Yang Mulia Dayangku Alma Nazirah binti Pengiran Haji Jofri

| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | No. 12, Spg 88-91, Kampung Anggerek Desa, Jln Pulaie, Negara Brunei Darussalam |
| Tarikh Lahir | : | 24.03.1999 |
| Pendidikan | : | Cosmopolitan College of Commerce & Technology - Pearson BTEC International Level 2 Certificate in Information Technology |

| | | |
|---|---|---|
| Nama Bapa | : | Pengiran Haji Jofri bin Pengiran Adi |
| Pekerjaan Bapa | : | Guru Ugama |
| Nama Ibu | : | Hajah Aminah binti Haji Abd Manaf |
| Pekerjaan Ibu | : | Guru Ugama |
| Tempat Berguru | : | Ibu bapa sendiri |

### PENGALAMAN DAN KEJAYAAN YANG PERNAH DIPEROLEHI

| Tahun | | Pengalaman |
|---|---|---|
| 2018 | - | Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Masjid, Peringkat Daerah dan Peringkat Separuh Akhir |
| 2017 | - | Tempat ke 4, Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Akhir Kebangsaan |
| 2015 | - | Johan, Pertandingan Membaca Al-Quran Senegara Antara Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Kali Ke-31 |
| 2014 | - | Johan, Peraduan Membaca Al-Quran Senegara Persatuan Pandu Puteri |
| 2013 | - | Naib Johan, bagi Peraduan Membaca Al-Quran Senegara Persatuan Pandu Puteri |
| 2012 | - | Johan, Kategori ‘A’ Perempuan bagi Peraduan Membaca Al-Quran Pelajar-Pelajar Sekolah-Sekolah Ugama dan Arab Peringkat Negara |
| 2010 | - | Naib Johan, Kategori ‘B’ Perempuan bagi Peraduan Membaca Al-Quran Pelajar-Pelajar Sekolah Ugama Kali Ke- 47 |

# Biodata Qariah

## Nur Amal Atiqah @ Aida binti Haji Sudirman



| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | No.21 Simpang 162-48 STKRJ Kampung Tungku Gadong BE2119, Negara Brunei Darussalam |
| Tarikh Lahir | : | 07.11.2000 |
| Pendidikan | : | Tingkatan Enam (Bawah) Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah |
| Nama Bapa | : | Awang Haji Sudirman bin Haji Metussin |
| Pekerjaan Bapa | : | Bilal, Jabatan Hal Ehwal Masjid |
| Nama Ibu | : | Norlelawati binti Abdullah @ Haji Md. Ali |
| Pekerjaan Ibu | : | Jabatan Percetakan Kerajaan |

Tempat Berguru : Awang Haji Sudirman bin Haji Metusin (Ayah Sendiri)
Mudim Haji Metassim bin Haji Metusin
Awang Haji Aslenan bin Haji Metusin
Dayang Hajah Norlaila binti Haji Metusin
Dayang Haja Harteenah binti Haji Metusin
Mengikuti Kelas Bimbingan Tilawah Al Quran Remaja (STAR) 2015-2017

### PENGALAMAN DAN KEJAYAAN YANG PERNAH DIPEROLEHI

| Tahun | | Pengalaman |
|---|---|---|
| 2018 | - | Johan Pertandingan Zainul Quran Anjuran RTB |
| 2016 | - | Johan Pertandingan Hadrah Sekolah-Sekolah<br>Johan Kategori ‘Ba’ Sekolah-Sekolah Arab Senegara |
| 2015 | - | Tempat Ketiga Pertandingan Rawi Berkumpulan |

# Biodata Qariah

## Najla Sabreena binti Haji Abd Rajid



| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | No: 52, Spg: 32, Kampung Pancha Delima, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam |
| Tarikh Lahir | : | 26.04.2004 |
| Pendidikan | : | Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Tahun 9 Iutas |
| Nama Bapa | : | Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh |
| Pekerjaan Bapa | : | Pengarah Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama |
| Nama Ibu | : | Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Mohd Tahir |
| Pekerjaan Ibu | : | Pengetua Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit |
| Tempat Berguru | : | Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh (bapa)<br>Ustazah Hajah Maidah binti Haji Abdul Rahman (Guru Skim Tilawah Al-Quran Remaja)<br>Ustaz Hj Ibrahim bin Haji Sahat (Guru Skim Tilawah Al-Quran Remaja) |

### PENGALAMAN DAN KEJAYAAN YANG PERNAH DIPEROLEHI

| Tahun | | Pengalaman |
|---|---|---|
| 2019 | - | Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahaman Separuh Akhir Peringkat Kebangsaan |
| 2018 | - | Mengikuti Seminar Tarannum Al-Quran 4 Dalam 1, Vol.1<br>Naib Johan (Katagori B), Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahaman Peringkat Akhir Kebangsaan |
| 2016 | - | Pertandingan Menghafaz Surah Yassin Peringkat Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan |

# Jawatankuasa Jemaah Hakim

| BIL | NAMA | LANTIKAN |
|---|---|---|
| 1. | Yang Mulia, Ustaz Haji Muhammad Sujairi bin Haji Dollah<br>Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah | Pengerusi |
| 2. | Yang Mulia, Ustaz Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof<br>Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah | Timbalan Pengerusi |
| 3. | Yang Mulia, Ustaz Haji Abdul Hafiez bin Haji Noh Al-Hafiz<br>Pusat Pengajian Dan Penyebaran Al-Quran MABIMS | Hakim Tajwid I |
| 4. | Yang Mulia, Awang Muhammad Hashim bin Haji Abdullah<br>Pusat Pengajian Dan Penyebaran Al-Quran MABIMS | Hakim Tajwid II |
| 5. | Yang Mulia, Awang Haji Ahmad Abdussalam<br>bin Haji Abd Rahman<br>Pusat Dakwah Islamiah | Hakim Fasahah I |
| 6. | Yang Mulia, Awang Muhammad Azim bin Haji Ali<br>Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah | Hakim Fasahah II |
| 7. | Yang Mulia, Ustaz Haji Mohd Zainul Ariffin Ridhwan Lubis<br>Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan | Hakim Lagu I |
| 8. | Yang Mulia, Awang Haji Abdullah bin Lakim | Hakim Lagu II |
| 9. | Yang Mulia, Awang Haji Wasli bin Haji Bakar | Hakim Suara I |
| 10. | Yang Mulia, Awang Zulkifli bin Haji Murat<br>Jabatan Hal Ehwal Masjid | Hakim Suara II |
| 11. | Yang Mulia, Awang Mohd Noor bin Haji Ibrahim<br>Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah | Hakim Ganti dan Setiausaha |

# Senarai Maqra

## Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1440/2019

| Bil | Surah | Bermula Ayat | Juzuk |
|---|---|---|---|
| 1. | SURAH AL-AN'AAM | 48 | 7 |
| 2. | AL-AN'AAM | 151 | 8 |
| 3. | SURAH AL-ANFAAL | 61 | 10 |
| 4. | YUNUS | 7 | 11 |
| 5. | SURAH AL-ISRAA' | 78 | 15 |
| 6. | SURAH AL-ANBIYAA | 83 | 17 |
| 7. | SURAH AL-ANKABUUT | 44 | 20 |
| 8. | SURAH AL-ANKABUUT | 56 | 20 |
| 9. | SURAH AR-RUM | 38 | 21 |
| 10. | SURAH LUQMAN | 22 | 21 |
| 11. | SURAH AL-AHZAAB | 35 | 22 |
| 12. | SURAH FAATHIR | 5 | 22 |
| 13. | SURAH YAASIIN | 13 | 22-23 |
| 14. | SURAH AZ-ZUMAR | 23 | 23-24 |
| 15. | SURAH AZ-ZUMAR | 39 | 24 |
| 16. | SURAH GHAFIIR | 23 | 24 |
| 17. | SURAH FUSSILAT | 30 | 24 |
| 18. | SURAH ASY-SYURAA | 7 | 25 |
| 19. | SURAH AL-AHQAAF | 27 | 26 |
| 20. | SURAH AL-FATH | 18 | 26 |
| 21. | SURAH AL-HUJURAT | 6 | 26 |
| 22. | SURAH AL-HADID | 20 | 27 |

# Johan Qari & Qariah

## dari Tahun 1995 -2018

| Tahun | Qari | Qariah |
|---|---|---|
| 1995 | Yang Mulia,<br>Awang Haji Rosli bin Haji Batang | Yang Mulia,<br>Dayang Norhalifah<br>binti Haji  Sulaiman |
| 1997 | Yang Mulia,<br>Awang Haji Aslenan<br>bin Haji Metussin | Yang Mulia,<br>Dayang Amalina binti Khamis |
| 1998 | | Yang Mulia,<br>Dayang Saripah binti Haji Takong |
| 1999 | Yang Mulia,<br>Awang Muhammad Hasrin<br>bin Haji Khamis | Yang Mulia,<br>Dayang Hajjah Nor Zirwatul Fadillah<br>binti Haji Khamis |
| 2000 | Yang Mulia ,<br>Awang Haji Mahrof<br>bin Haji Chuchu | Yang Mulia,<br>Dayang Nurul Akmalina<br>binti Haji Yahya |
| 2001 | | |
| 2002 | | |
| 2003 | Yang Mulia,<br>Awang Zulhimi bin Haji Abidin | Yang Mulia,<br>Dayang Norezah binti Haji Md Deli |
| 2004 | Yang Mulia,<br>Awang Muhammad Fikri<br>bin Haji Awang Metussin | |
| 2005 | Yang Mulia,<br>Awangku Md. Adibul Amin<br>bin Pengiran Haji Marjuki | Yang Mulia,<br>Dayang Nurfaezah binti Haji Emran |
| 2006 | Yang Mulia,<br>Awang Haji Nasrul Fakhri<br>bin Haji Yahya | Yang Mulia,<br>Dayang Amal Nazirah<br>binti Haji Asmat |
| 2007 | | Yang Mulia,<br>Dayang Hajah Siti Khadijah<br>binti Haji Ibrahim |

<table>
<tr><th>Tahun</th><th>Qari</th><th>Qariah</th></tr>
<tr><td>2008</td><td rowspan="2">Yang Mulia,<br>Awangku Md Amirul Aiman<br>bin Pengiran Haji Marjuki</td><td>Yang Mulia,<br>Dayang Maizatun Nadzeerah<br>binti Haji Md Daud</td></tr>
<tr><td>2009</td><td>Yang Mulia,<br>Dayang Nor Azriah<br>binti Haji Abdul Aziz</td></tr>
<tr><td>2010</td><td rowspan="2">Yang Mulia,<br>Awang Haji Nasrul Fakhri<br>bin Haji Yahya</td><td>Yang Mulia,<br>Dayang Maizatun Nadzeerah<br>binti Haji Md Daud</td></tr>
<tr><td>2011</td><td rowspan="3">Yang Mulia,<br>Dayangku Fauziah Nadhirah<br>binti Pengiran Haji Jofri</td></tr>
<tr><td>2012</td><td>Yang Mulia,<br>Awang Hazwan bin Haji Salim</td></tr>
<tr><td>2013</td><td>Yang Mulia,<br>Awang Muhammad Sa'du<br>bin Suhaili</td></tr>
<tr><td>2014</td><td rowspan="2">Yang Mulia,<br>Awangku Adi Nazri<br>bin Pengiran Haji Jofri</td><td>Yang Mulia,<br>Dayangku Amal Zahirah<br>binti Pengiran Haji Jofri</td></tr>
<tr><td>2015</td><td>Yang Mulia,<br>Dayang Fatin Nurhanani<br>binti Haji Mohdar</td></tr>
<tr><td>2016</td><td>Yang Mulia,<br>Awang Muhammad Sa'dun<br>bin Suhaili</td><td>Yang Mulia,<br>Dayangku Siti Ummi Syazana<br>binti Pengiran Haji Marjuki</td></tr>
<tr><td>2017</td><td>Yang Mulia,<br>Awang Ahmad Zulwaqar<br>bin Suhaili</td><td>Yang Mulia,<br>Dayangku Amal Zahirah<br>binti Pengiran Haji Jofri</td></tr>
<tr><td>2018</td><td>Awang Muhammad Sa'dun<br>bin Suhaili</td><td>Dayangku Fauziah Nadhirah<br>binti Pengiran Haji Jofri</td></tr>
</table>



# Ristaan

## MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN 2018



# Piala Pusingan

## Bagi Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Negara Brunei Darussalam




**Johan Qari dan Qariah**

# *Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih*

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa
Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1440/2019
mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan dan kerjasama, buah fikiran dan material bagi menjayakan majlis ini terutama sekali kepada:

Tetamu Kehormat Majlis
Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan
bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam

Para Tetamu Khas dan Jemputan-Jemputan

Ibu bapa / Penjaga Peserta Qari dan Qariah

Radio Televisyen Brunei
Jabatan Penerangan
JABATAN PERDANA MENTERI

Pusat Dakwah Islamiah
Jabatan Hal Ehwal Masjid
Jabatan Pengajian Islam
Bahagian Kemajuan Syiar Islam
Bahagian Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan [KUPUSB]
Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi [JASTRE]
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

PARA PENAJA
Syarikat Aliaa Sdn Bhd
Sabli Food industries (B) Sdn Bhd
Makan Ceria Sdn Bhd

Kumpulan Persembahan Tausyeh Firqah Al-Naghom

Dan kepada sesiapa jua yang terlibat dalam sama-sama menjayakan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1440/2019 [Peringkat Akhir]

jbs.bn jabatan belia dan sukan

www.belia-sukan.gov.bn